

PENGURUSAN KONFLIK DALAM KALANGAN ATLET SUKAN BERPRESTASI TINGGI

Noor Aini Zainal
Mohd Fo'ad Sakdan
Huzili Hussin,
Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK : Konflik merupakan suatu elemen dalam kehidupan manusia, sama ada dalaman atau luaran diri manusia tersebut. Ia tercetus disebabkan seseorang itu mempunyai kemahuan dan harapan yang sering bercanggah dengan orang lain. Ini juga boleh berlaku dalam bidang sukan. Sukan berprestasi tinggi adalah merujuk sukan yang berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Walaubagaimanapun, sebelum atlet-atlet ini mencapai kejayaan dalam sukan yang mereka ceburi, lumrahnya mereka boleh terjebak dalam konflik diri secara individu atau secara berpasukan. Konflik yang sering dihadapi oleh atlet sukan berprestasi tinggi adalah tekanan. Tekanan atau stress adalah kehendak-kehendak fizikal, mental atau emosi yang boleh mengganggu tubuh badan serta memberi kesan ke atas kesejahteraan hidup manusia. Isu pengurusan konflik sangat penting dalam aspek persembahan atlet, kerana ini akan menentukan berjaya atau gagal atlet di medan pertandingan. Konflik menjadikan seseorang individu berfikiran lebih matang dan rasional dalam sebarang tindakan yang dilakukan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan tentang pengurusan konflik dalam diri atlet sukan berprestasi tinggi dari segi pelbagai aspek dan sudut pandangan. Kajian-kajian yang pernah dijalankan membuktikan bahawa pengurusan konflik dalam kalangan atlet adalah penting kerana aspek ini turut menyumbang kepada kemenangan dan peningkatan keyakinan diri yang dapat mereka aplikasikan apabila menceburi alam pekerjaan. Cadangan kertas kerja ini mungkin dapat menyumbang kepada satu dasar kerajaan bagi menjamin kejayaan negara dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa.

Kata Kunci: Konflik, Atlet, Sukan Berprestasi Tinggi

PENGENALAN

Malike Brahim (2008) dalam bukunya "*Mengurus Konflik*" menyatakan, perkataan konflik berasal daripada bahasa latin iaitu '*conflictus*' yang merujuk kepada situasi di

mana terdapat pihak yang berusaha melancarkan mogok secara kekerasan, juga keadaan yang membayangkan wujudnya ketidaksetujuan sesuatu perkara, perselisihan dan pergeseran antara ahli dalam kumpulan. Selain itu, konflik dilihat sebagai suatu interaksi yang lahir dalam keadaan yang tidak

baik, penuh emosi dan tindakan penentangan yang akhirnya berkesudahan dengan kekacauan. Apabila konflik itu berlaku dalam kelompok, tindakan atau kepercayaan seseorang atau lebih ahlinya tidak dapat diterima bagi sesetengah individu atau pihak lain dalam kelompok tersebut di mana wujud pertentangan oleh satu atau lebih ahli dalam kumpulan itu terhadap kumpulan lain dalam kelompok yang sama.

Barisoff, D. dan Victor, D.A., (1986) menjelaskan konflik berlaku disebabkan wujudnya perbezaan pendapat atau pandangan di kalangan individu. Walaupun penjelasan Names dan Back mengenai konflik agak sempit, tetapi sedikit sebanyak telah memberi kefahaman awal kepada kita bahawa konflik yang berlaku itu akan melibatkan sekurang-kurangnya dua atau lebih pihak. Walau bagaimanapun, tidak semua konflik itu akan melibatkan pihak lain, tetapi juga boleh berlaku dalam diri sendiri (konflik intrapersonal).

Hocker dan Wilmot (1985) pula mendefinisikan konflik dengan menggambarkan sebagai pertentangan yang wujud antara sekurang-kurangnya dua pihak yang saling bergantung dan perlu memerlukan di antara satu sama lain. Pihak-pihak yang saling bergantung itu kemudiannya mula menunjukkan reaksi apabila wujudnya ketidakselarasan dalam

mencapai matlamat, kebimbangan dalam mendapatkan pengiktirafan atau ganjaran serta merasakan wujudnya gangguan atau ancaamaan daripada satu pihak lain dalam mencapai matlamat mereka. Konflik adalah suatu perkara yang amat sukar untuk dikenal pasti dan diramalkan terutama pada peringkat-peringkat awal kewujudannya. Hal ini kerana petanda-petanda awal konflik sangat sukar dikesan dan sifatnya mendalam. Konflik biasanya berlaku dalam proses tawar-menawar dan perundingan di mana pihak yang sedang bersaing atau bersengketa mempunyai matlamat dan kepentingan yang berbeza-beza.

Tephan P. Robins pula mendefinisikan konflik sebagai suatu proses di mana seseorang itu berusaha dengan sengaja untuk mengagalkan usaha seseorang yang lain dengan cara menghalang. Tindakan tersebut bertujuan agar orang atau pihak lain berasa kecewa dalam usahanya untuk mencapai matlamat atau untuk meneruskan kepentingannya (Jaafar Muhammad; 1996:321).

Sementara Coser (1956:8) pula melihat konflik sebagai perjuangan individu-individu atau kelompok-kelompok yang berkisar kepada nilai dan kebimbangan terhadap kedudukan, persaingan untuk mendapatkan kuasa dan sumber yang terhad di mana mereka yang berbeza pendapat mempunyai

matlamat untuk menutralkan, merosakkan atau menghapuskan saingan mereka.

Thomas (1976) pula melengkapkan lagi definisi konflik iaitu proses yang bermula apabila seseorang individu merasakan pihak lain mengecewakan, atau ia melibatkan kekecewaan, matlamat atau kebimbangan mengenaainya.

Secara umumnya, konflik boleh dianggap sebagai suatu fenomena yang bersifat subjektif yang gagal dikesan pada peringkat awal kewujudannya sehinggalah ia menjadi sesuatu yang bersifat nyata hasil daripada tindakan atau tingkah laku mereka yang sedang berkonflik. Kesan daripada konflik yang dialami boleh membawa perubahan sikap, tindakan dan keputusan yang luar biasa. Dengan lain perkataan, manusia yang normal seperti peramah, rajin, riang dan sebagainya akan menjadi pemarah, malas, murung dan dalam masa yang sama boleh menjadi ganas, agresif, pembunuh, pendera dan sebagainya. Maka disebabkan oleh konflik, kita selalu mendengar kejadian amuk, pembunuhan, penderaan dan sebagainya berlaku.

TANDA-TANDA KONFLIK

Lazimnya sesuatu konflik boleh berlaku sama ada berpunca daripada diri sendiri atau diri orang lain. Hal ini kerana kita sering berhadapan dengan pelbagai situasi seperti kekecewaan, kekeliruan dan kesulitan dalam hidup sama ada dalam

komuniti atau dalam mana-mana organisasi. Walaupun pada peringkat awal konflik tidak mempunyai tanda yang jelas iaitu peringkat terpendam, tetapi lama kelamaan konflik tersebut akan menonjol dan terus menjadi besar hingga boleh membawa kemusnahan

PERINGKAT-PERINGKAT KONFLIK

Peg Pickering (2000) dalam bukunya yang berjudul "*How To Manage Conflict*" menyatakan konflik boleh berlaku dalam tiga peringkat. Peringkat pertama ialah peringkat peristiwa harian. Konflik berlaku dalam darjah yang paling rendah iaitu melibatkan urusan rutin kehidupan seharian. Pada peringkat ini, konflik baru bermula dan menunjukkan tanda-tanda yang masih belum jelas. Konflik pada ketika ini masih senang diurus dan tidak berlaku bahaya. Walau bagaimanapun, pada tahap ini seseorang itu perlu mengenal pasti tanda-tanda awal kewujudannya supaya ia tidak berkembang ke peringkat kedua.

Peringkat kedua ialah peringkat cabaran. Pada peringkat ini, seseorang merasakan dirinya teraniaya, maka ia akan memikirkan sesuatu untuk membalas dendam kepada orang yang membuat aniaya terhadap dirinya. Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, maka tidak mustahil akan berlaku pergaduhan dan perbalahan. Pada peringkat ini, pihak yang berkonflik berpotensi tinggi

untuk mengancam pihak lain hingga berkembang ke peringkat ketiga.

Peringkat ketiga ialah peringkat pertembungan. Konflik pada peringkat pertama jika tidak ditangani dengan berkesan, ia akan berkembang kepada konflik peringkat kedua dan ketiga. Konflik peringkat pertama tidak cepat hilang, sebaliknya konflik peringkat ketiga boleh cepat hilang secara mengejut. Berdasarkan sifat-sifat semula jadi yang tidak menentu, konflik mempunyai sifat-sifat tersembunyi yang boleh memberi pandangan yang berbeza, hal ini kerana konflik mendatangkan kemudaratan, kesulitan dan kesangsaraan malah konflik itu sendiri akan melahirkan keadaan yang lebih selesa, kukuh, mendapat idea-idea yang baru dan sebagainya. Misalnya, sesuatu konflik yang berlaku itu mungkin ada hikmah dan mendatangkan kebaikan sekiranya ia dapat dikesan dan memberi kesedaran kepada pelakunya.

Dalam organisasi sekolah, keinginan untuk menang, berjaya dengan cemerlang, menguasai orang lain, atau mendapatkan sesuatu dan mempengaruhi kelompok lain akan memuncak atau meningkat seiring dengan kepentingan dan keinginan diri, sehinggakan mereka sanggup mempertahankan apa sahaja hak dan sanggup berkorban semata-mata ingin menjaga maruah diri atau mempertahankan

hak tersebut. Manusia pada mulanya bersikap baik boleh mengancam orang lain apabila berlaku konflik dalam dirinya. Justeru jika berlaku keadaan sedemikian, maka strategi pengurusan konflik yang efektif perlu diambil tindakan segera. Di sinilah pentingnya peranan pemimpin sekolah. Beliau perlu menjadi orang tengah iaitu penyelesaian, pendamai, penasihat dan pembimbing agar perbalahaan dan perselisihan yang wujud dapat dihindarkan dan dikurangkan.

ATLET SUKAN

Sebagai atlet sukan negara cabaran bukanlah sesuatu yang mudah. Atlet bertanggungjawab menunjukkan prestasi sukan yang cemerlang dan menggalas harapan seluruh rakyat Malaysia bagi mengharumkan nama negara di persada dunia. Bagi menjadi seorang atlet sukan yang cemerlang, atlet perlu mempunyai semangat jati diri, ketahanan mental dan fizikal, spiritual dan sahsiah yang tinggi. Elemen-elemen ini dapat diterapkan melalui kem-kem dan program-program anjuran. Melalui program-program yang dirancang, para atlet didedahkan dengan aktiviti-aktiviti lasak dan mencabar bagi menguji ketahanan mental dan fizikal mereka selain penerapan nilai-nilai murni dalam setiap aktiviti yang dilakukan. Program-program berunsur motivasi, jati diri turut dilaksanakan bagi memberi dan memupuk kesedaran dalam diri atlet sukan tersebut.

Selain itu, para atlet juga diwajibkan untuk melaksanakan solat secara berjemaah dan mereka dilatih untuk menjadi imam. Untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam bidang yang diceburi, para atlet sukan perlulah mempunyai keseimbangan fizikal dan spiritual iaitu latihan untuk menajamkan kemahiran dan tanggungjawab sebagai seorang hamba di bumi tuhan. (Kementerian Belia & Sukan.(2012).

Proses interaksi antara jurulatih dengan atlet adalah satu komponen yang sangat penting untuk meningkatkan prestasi dan kepuasan seseorang atlet (Gibbons, McConnell, Forster, Riewald, & Peterson (2003); Frontiera (2006); Serpa, Pataco, & Santos, 1991).

Wee Akina dan Shabeshan (2014) telah menjalankan kajian ke atas atlet sekolah menengah di Malaysia berkaitan gaya kepimpinan jurulatih yang diminati. Atlet terdiri daripada mereka yang berumur 13 hingga 16 tahun. Atlet lebih menggemari gaya kepimpinan dan jurulatih bagi dimensi maklum balas positif. Hal ini menunjukkan bahawa atlet yang kebajikan mereka sentiasa dijaga pasti akan berasa puas hati dan seronok. Kesannya membolehkan mereka berasa yakin apabila mengikuti program latihan di bawah bimbingan jurulatih serta mutu pencapaian atlet tersebut akan meningkat.

Atlet yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi semasa mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan, biasanya akan percaya bahawa dia akan berjaya dengan bantuan persembahannya yang terbaik (Yahaya, Vincent & Ampofo-Boateng, 2011). Keyakinan diri adalah kepercayaan atlet yang dia akan berjaya melakukan persembahan yang bersesuaian (Weinberg & Gould, 2010). Atlet yang mempunyai keyakinan dan semangat yang tinggi biasanya tidak gentar hadapi kegagalan, mereka akan yakin walaupun dalam keadaan genting dan sentiasa berusaha dengan gigih (Brown, 2005). Oleh yang demikian dengan kata lain, ketabahan mental serta semangat yang tinggi adalah kuat pada atlet yang mempunyai keyakinan diri untuk menghadapi segala cabaran dalam sukan.

Pencapaian tinggi atlet dalam sukan besar seperti sukan Olimpik banyak bergantung kepada keyakinan untuk menghadapi cabaran (Haberl, 2007). Rasa yakin untuk mencapai kemenangan boleh meningkatkan konsentrasi dan pencapaian, manakala rasa tidak yakin cenderung untuk merendahkan pencapaian dengan peningkatan tahap kebimbangan, perasaan ragu-ragu dan gangguan konsentrasi (Weinberg & Gould, 2010). Keyakinan diri yang rendah dan semangat yang kurang boleh merosotkan pencapaian dalam

sukan. Menurut Cashmore (2002), kekalahan pasukan bola sepak Belanda kepada Itali dalam Sukan kejohanan Eropah pada tahun 2000, adalah disebabkan oleh keyakinan diri yang rendah, dan bukanlah kerana kekurangan latihan atau kemampuan. Keyakinan diri yang rendah tersebut telah meningkatkan tahap kebimbangan mereka sehingga kalah dalam pertandingan tersebut.

SUKAN BERPRESTASI TINGGI

Sukan ialah aktiviti fizikal dengan signifikansi komponen fizikal dimana dua atau lebih penyertaan kepada matlamat bertanding dan penilaian kemampuan personal. Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga yang dilakukan sebagai acara hiburan atau pertandingan, kegiatan untuk menyihatkan badan. Perkataan sukan berasal daripada bahasa Latin iaitu *desparto* yang bermaksud untuk memikul sesuatu. Terdapat tiga aspek yang harus diberikan perhatian dalam mendefinisikan sukan iaitu jenis sukan yang terlibat, bentuk dan situasi dimana sesuatu aktiviti dijalankan, dan penyertaan dalam sesuatu aktiviti. (Coakley 1978)

Sukan prestasi tinggi didefinisikan sebagai aktiviti sukan yang dipertandingkan diperingkat global iaitu Sukan ini berpotensi atau berkemampuan untuk dikembangkan ke

peringkat tinggi atau peringkat antarabangsa. Aktiviti sukan prestasi tinggi mempunyai pengukuran secara rasmi dan diiktiraf oleh badan sukan dunia. Sukan prestasi tinggi juga didefinisikan dengan penglibatan berpetandingan, memerlukan latihan yang khusus, spesifik dan berterusan dan memerlukan kombinasi kesihatan, kemahiran yang berhubungkait dengan kecergasan serta kemahiran yang optimum. (Bompa 1986).

PENUTUP

Secara rasionalnya Dasar Sukan Negara adalah satu dasar sukan untuk semua. Dasar ini merangkumi sukan prestasi tinggi dan sukan untuk semua berlandaskan atas rasional yang mana segala kegiatan itu adalah sebahagian daripada rancangan pembangunan yang diusahakan oleh Kerajaan terhadap seluruh rakyat. Sukan yang menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat, muhibah, toleransi, kesefahaman dan pembinaan kualiti moral dan fizikal memberi satu landasan yang selesa untuk mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatupadu serta juga untuk pemupukan maruah bangsa dan negara. Oleh yang demikian dalam sukan akan ada konflik. Tegasnya, sukan mempunyai kesan-kesan manfaat yang amat besar terhadap individu, masyarakat dan seterusnya negara. Manfaat bagi peringkat individu ialah sukan

menyumbang kepada pembentukan sahsiah, kesedaran diri termasuk semangat pertarungan, peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal, penggunaan masa kesenggangan yang berfaedah dan bermakna, pengurangan tekanan hidup moden (Konflik) dan interaksi sosial yang bermakna dan perkembang kemahiran-kemahiran asas. Melalui gaya hidup yang aktif seperti ini seorang individu itu akan lebih sensitif terhadap kesejahteraan dirinya, dalam mana ia memahami sebenarnya akan kenikmatan penglibatannya dan semangat pertarungan. Manakala di peringkat masyarakat sukan membantu kepada penggalakan pembinaan kualiti fizikal dan moral rakyat yang sesuai dengan aspirasi nasional.. Seterusnya di peringkat antarabangsa, sukan membantu pencapaian kecemerlangan kepada peringkat yang paling tinggi dan peningkatan maruah bangsa serta pemupukan persahabatan.

Selain itu industri sukan ini perlu menghadapi konflik yang melibatkan kumpulan atau pasukan contohnya sukan bola sepak, banyak berita yang dikeluarkan berkaitan masalah yang dihadapi dalam pasukan bola sepak. Contohnya masalah penukaran pemain, konflik yang melibatkan perselisihan faham antara rakan sepasukan serta konflik yang melibatkan masalah peribadi pemain itu sendiri.Selain itu, rasuah turut menjadi konflik dalam industri sukan ini.Ini merupakan konflik yang serius dan

perlu diambil tindakan serta merta bagi mengelak sebarang pergaduhan yang melibatkan negara-negara luar. Rasuah ini sering berlaku apabila adanya acara sukan yang besar. Banyak lagi konflik yang sering berlaku dalam industri sukan ini, oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan dalam menjamin nama baik industri sukan ini dijaga baik dan terpelihara supaya ia tidak tercemar di mata antarabangsa.

REFERENCE

- Barisoff, D. dan Victor, D.A., 1986. Conflict Management: A Communication Approach. New Jersey: Prentice-Hall.
- Bompa, Tudor O.1999. Periodization Training for Sports. Human Kinetics. Periodization training, Weight training.
- Brown, B. 2005. Qualities of great athlete: National Association of intercollegiate athletics. TMCH Great Athletes. (<http://www.scribd.com/doc/2249748/QUALITIES-OF-A-GREAT-ATHLETE->).
- Cashmore, E. 2002. Sport Psychology. London: Routledge.
- Coakley, J.J. (1978). *Sport in society : Issues and controversies*. St. Louis : C.V. Mosby
- Gibbons, T., McConnel, A., Forster, T., Riewald, S. T., & Peterson, K. (2003). Refl ections on success: US Olympians describe the success factors and obstacles that most infl uenced their Olympic development (Vol. Report phase II). Colorado Springs: United States Olympic Committ ee.
- Haberl, P. 2007. The Psychology of Being an Olympic Favorite. Athlete Insight: On line Journal of Sport Psychology. (<http://www.athleticinsight.com/Vol9Is4/Favorite.htm>).
- Hocker, J.L. dan Wilmot, W.M., 1985. Interpersonal Conflict (2 nd edition). Dubuque, I.A. William C. Brown
- Kementerian Belia & Sukan.(2012). Sukan Sebagai Penjana Ekonomi, Cetak Pertama Disember 2012.Putrajaya.Bahagian Industri Sukan, Kementerian Belia & Sukan.
- Malike Brahim, 2008. Mengurus Konflik. Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Thomas, K.W. 1976. Conflict and Conflict Management dalam M.D. Dunnette & L.M. Hough (eds). The Handbook of Industrial and Organizational Psychology (2 nd edition). Palo Alto, CA: Consulting Psychologicity Press, 668.
- Wee Akina Sia Seng Lee & Shabeshan Rengasamy. (2014). Gaya kepimpinan jurulatih yang diminati atlet-atlet sekolah menengah di Malaysia berasaskan jantina. Jurnal Kepimpinan Pendidikan, 1(1), 65-74.
- Weinberg, R.S. & Gould, D., 2010. Foundations of Sport and Exercise Psychology. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Yahaya, M., Vincent, P. & Ampofo-Boateng, K. 2011. Memahami Psikologi Sukan (Dalam proses penerbitan).